

10/08/1999

Perdasama, BSKL anjur seminar

PERSATUAN Pedagang dan Pengusaha Melayu Malaysia (Perdasama) akan mengadakan Seminar Strategi Pelaburan - Apa Pilihan Anda?, dengan kerjasama Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) pada 24 Ogos ini.

Presiden Perdasama, Datuk Moehamad Izat Emir, berkata seminar itu bertujuan menyedarkan masyarakat Malaysia terutamanya orang Melayu supaya melaksanakan amalan pelaburan bijak agar kedudukan ekonomi mereka bertambah kukuh, tanpa mengira musim.

"Sesudah mengalami kemelesetan ekonomi sebanyak dua kali iaitu pertama pada 1985-86 dan kali kedua 1997-98, masyarakat Malaysia harus belajar bahawa kemewahan mereka tidak terjamin kekal, melainkan mereka merancang dan melaksanakan amalan melabur secara berhemat," katanya dalam satu kenyataan di Kuala Lumpur, semalam.

Katanya, untuk mencapai tujuan itu pelabur hendaklah pandai memilih dari semua pilihan yang ada di pasaran.

Pendedahan melalui seminar sehari itu akan memberi gambaran yang jelas kepada mereka bahawa melabur boleh dilaksanakan dalam pelbagai bentuk.

"Mereka (pelabur) seharusnya bijak memilih, bagi menjamin pelaburan mereka selamat dan tidak menanggung risiko yang besar," katanya.

Perdasama menganjurkan seminar itu sebagai satu usaha menyahut saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, agar pelabur tempatan bijak melabur melalui skim pelaburan yang diadakan kerajaan atau yang diluluskan kerajaan.

"Perdasama sedar mengenai hal ini terutama sekali dalam kemerosotan ekonomi sekarang, maka seminar seumpama ini harus diadakan agar ia dapat memberi peluang kepada mereka yang berminat untuk melabur mengikut saluran yang digalakkan kerajaan," katanya.

Antara kertas kerja yang dibentangkan dalam seminar itu termasuk Ekonomi dan Peluang-peluang Pelaburan oleh Penolong Gabenor Bank Negara, Datuk Zamani Abdul Ghani dan Melabur Bersama PNB oleh Ketua Eksekutif PNB, Hamad Kama Piah Che Othman.

Mereka yang berminat boleh menghubungi Rahmah, Siti atau Yusri di telefon 03-4418193 atau faksimili 03-4452635.

(END)